

31/10/2003

Pekan Rabu sinonim Che Det

BY Johari Ibrahim

KOMPLEKS perniagaan yang diusahakan sepenuhnya oleh Bumiputera di Jalan Tunku Ibrahim, Alor Star, yang dikenali sebagai Pekan Rabu amat sinonim dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

`Keakraban' Dr Mahathir dengan Pekan Rabu terbukti apabila beliau akan menjadikan kunjungannya ke kompleks itu seperti satu kemestian jika pulang ke Kedah pada setiap kali Ramadan.

Malah, beliau juga menjadi pelanggan tetap beberapa kedai di situ seperti Kedai Songkok Sardi Dahar, Kedai Jahit Pak Wan dan Kedai Kuih Tradisional Mak Chah.

Pengerusi Koperasi Pekan Rabu Alor Star Berhad (KPRASB), Azmi Shahab, berkata warga Pekan Rabu terlalu dekat dengan Dr Mahathir kerana Perdana Menteri prihatin terhadap `jatuh dan bangun' peniaga di situ.

Beliau berkata, Dr Mahathir terbabit secara langsung dengan perniagaan di Pekan Rabu pada 1945 apabila beliau berkongsi berniaga kayu api, pisang dan cendol dengan seorang rakan dikenali sebagai Pak Jo.

"Ketika itu, persekolahan Dr Mahathir tergendala kerana serangan tentera Jepun di wilayah ini.

"Sebagai seorang anak muda yang tidak gemar membuang masa, beliau berniaga di Pekan Rabu. Bermula dari situlah beliau terbabit secara langsung dengan kompleks ini," katanya.

Malah, Dr Mahathir juga turut menjadi ahli koperasi Pekan Rabu pada tahun 1959 dengan nombor keahlian 239.

"Beliau sehingga kini kekal sebagai ahli. Ketika itu koperasi dikenali sebagai Syarikat Kerja Sama-Sama Tanggungan Berhad," katanya.

Ketika itu, katanya, Dr Mahathir sudah membuka klinik sendiri yang dikenali sebagai Klinik Maha.

"Saya percaya semangat perniagaan Dr Mahathir berputik di Pekan Rabu yang mendorong beliau mengusahakan klinik sendiri dan menjadi ahli koperasi Pekan Rabu ketika itu," katanya.

Bagai belut pulang ke lumpur, selepas berjaya dalam politik negara sehingga menjawat jawatan nombor satu negara, Dr Mahathir terus menyumbang jasa untuk mencorak semula Pekan Rabu daripada pusat perniagaan tradisional Melayu yang serba kekurangan dan tidak ceria kepada sebuah kompleks moden dan menarik seperti sekarang.

"Hasil idea dan usaha Dr Mahathir mencari kesepakatan, Pekan Rabu di Jalan Tunku Ibrahim kini lebih ceria, menarik dan setanding kompleks beli-belah lain," katanya.

Beliau berkata, sikap ambil berat Dr Mahathir terhadap Pekan Rabu terserlah apabila Perdana Menteri pernah menggunakan jarinya menggores lantai kompleks untuk menguji sama ada ia kotor atau sebaliknya.

"Saya terkejut kerana ketika sedang berjalan dalam satu lawatannya ke sini, beliau tiba-tiba membongkok dan menggores jarinya di lantai dan menunjukkan kepada saya sambil berkata `lantai ni kotor,'" katanya.

Bangunan Pekan Rabu dirasmikan Dr Mahathir pada 25 Februari 1978 ketika beliau menjadi Timbalan Perdana Menteri.

Pada 1995 sebanyak RM6.5 juta diperuntukkan melalui kerajaan negeri untuk pengubahsuaian bangunan sebagai persediaan mengharungi arus perniagaan moden.

Dulu, Pekan Rabu menjadi tumpuan penduduk memasarkan pelbagai jenis hasil kampung seperti sayuran dan ulaman, serai, ikan pekasam serta kuih tradisional.

Ia juga tempat peraih datang membeli barangan untuk menjualnya di pekan nat atau pekan minggu.

Antara perniagaan utama di situ ialah kain, baju Melayu, songkok, kuih tradisional, buah-buahan, ikan kering, kraftangan, kitab dan buku agama, ubatan tradisional, kelengkapan menunaikan haji, emas, kosmetik dan barangan dapur.

Bagi `memeriahkan' kawasan sekitar kompleks itu, dibina Che Det Mall dan Che Det Walk di keliling Pekan Rabu membabitkan kos RM13 juta yang siap pada November lalu sebagai tempat istirahat dan aktiviti kebudayaan untuk pelancong serta pelanggan.

Bangunan Empire yang pernah menempatkan panggung wayang Empire bersebelahan Pekan Rabu dijadikan Galeri Seni untuk mengumpul seniman kraftangan seluruh negara.

..TX:

* Saya seorang pemimpin baru dan lebih muda. Maka saya tidak mempunyai masalah untuk mengagumi Dr Mahathir dan menganggap beliau sebagai pemimpin lebih senior dari segi kehidupan politik, usia dan pengalaman. Saya sudah mengagumi beliau sejak bertahun-tahun lalu, malah sebelum saya membabitkan diri dalam politik. Maka apabila saya bertemu beliau, saya bercakap dengan beliau secara ikhlas seperti mana mereka yang lebih junior dan mahu belajar daripada beliau.

Perdana Menteri Thailand, Thaksin Shinawarta

* Yahudi kini membalas dendam atas kekejaman lalu dengan menindas umat dan negara Islam dengan dakwaan anti-Semitik. Umat Islam kini sengsara dan menjadi mangsa kepada tuduhan anti- Semitik. Ucapan Dr Mahathir sebenarnya mengagumkan dan logikal. Kami menyokong ucapan dan pandangan beliau sepenuhnya. Itu adalah realiti yang dihadapi dunia Islam.

Presiden Iran, Seyed Mohammad Khatami

* Dr Mahathir akan meletak jawatan hujung bulan ini. Kami ucapkan selamat bersara kepada beliau

Perdana Menteri Australia, John Howard

(END)